

Pengiktirafan keberanian

BH - 12/2/2020 m/s: 3

Kevin Morais,
Novel Baswedan
penerima
pertama
anugerah PIACCF

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Keberanian dan keteguhan mendiang Timbalan Pendakwa Raya, Anthony Kevin Morais, menentang perbuatan rasuah dihargai apabila menjadi seorang daripada dua penerima pertama Anugerah Perdana Juara Antirasuah Antarabangsa 2020, malam tadi.

Anugerah pengiktirafan oleh Perdana International Anti-Corruption Champion Foundation (PIACCF) khusus membela nasib pegawai agensi antirasuah yang terkesan ketika menjalankan tugas itu, dilancarkan oleh Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.


Yang turut menerima penghargaan itu, Ketua Penyasat Komisi Pembanterasan Rasuah, Indonesia, Novel Baswedan, 42, yang menerima plak dan sijil.

Penghargaan bagi Kevin diterima oleh abangnya, Datuk Richard Morais.

Dr Mahathir dalam ucapamanya berkata, kedua-dua penerima anugerah itu dihargai selepas membayar harga yang mahal dalam usaha memerangi rasuah.

Justeru, Perdana Menteri menghargai penghargaan terhadap semua pihak di seluruh dunia yang berkorban masa, nyawa dan komitmen dalam mengakhiri kesengsaraan akibat rasuah.

"Malam ini, kita meraikan dua



Dr Mahathir menyampaikan Anugerah Perdana Juara Antirasuah Antarabangsa 2020 kepada Richard di Putrajaya, malam tadi.

(Foto BERNAMA)

pegawai berani yang membayar harga mahal untuk usaha memerangi rasuah mereka. Mereka menjadi penerima Anugerah Perdana International Anti-Corruption Champion 2020.

"Penerima pertama ialah Anthony Kevin Morais, seorang Timbalan Pendakwa Raya kanan yang dibunuh pada 2015 ketika menyiasat satu skandal rasuah.

"Penerima kedua ialah Novel Baswedan, pegawai di Komisi Pembanterasan Korupsi (KPK), Indonesia. Beliau disibah dengan asid ketika menjalankan siasatan pada Jun 2016, menyebabkan sebelah matanya buta," katanya.

Yang turut hadir, isteri Perdana Menteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Residen Koordinator Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk Malaysia, Singapura dan Brunei, Stefan Priesner; wakil Persatuan Antarabangsa Penguat Kuasa Antirasuah (IAACA), Martin Kreutner dan Ke-

tua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC), Tan Sri Abu Kassim Mohamed.

Dr Mahathir berkata, ramai pegawai lain yang berani dan menderita ketika mempertahankan integriti mereka.

Katanya, penganugerahan terhadap Kevin dan Novel itu adalah lambang penghargaan kepada mereka.

Pada masa sama, Dr Mahathir turut menyatakan penghargaan kepada beberapa pegawai kanan negara yang memberi sumbangan dalam membanteras jenayah rasuah di negara ini.

"Saya mengambil peluang ini untuk mengiktiraf sumbangan bekas Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail; bekas Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz dan bekas Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Mohd Shukri

Abdull dalam mendedahkan skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

"Ia adalah kes ketara, yang menjadi titik perubahan kepada hala tuju politik Malaysia dan mencetuskan kebangkitan dalam kalangan rakyat.

"Keberanian bersama dan kesungguhan mereka menjatuhkan rejim kleptokrasi yang pertama kali menunjukkan kuasa rakyat," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, yayasan antarabangsa itu bertanggungjawab terhadap Dana Juara Antirasuah Antarabangsa Perdana.

Katanya, dana berkenaan bukan sahaja istimewa, malah penting kerana menjadi sistem sokongan kepada pegawai antirasuah yang menjadi mangsa atau dihukum ketika bertugas.

Sejumlah RM500,000 disumbangkan oleh kerajaan kepada dana berkenaan.